



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEM 2 | SESI 2017/2018



BULETIN HEPA

MAC 2018 HINGGA OGOS 2018

PENAUNG : YBHG. PROFESSOR DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN

PENASIHAT : YBHG. PROFESSOR DR. ISMAIL ALI

KETUA PENYUNTING : EN. AHMADI HJ. NURDIN

PENYUNTING : PN. ALNA TUGON

PENOLONG PENYUNTING :

EN. HARUN TAMBIRI

EN. ABDUL GHAFAR BRAHIM

PN. DAYANG SITI JAITA JAMAIN

PEREKA BENTUK GRAFIK :

EN. WENLLEY JOY

JURUGAMBAR :

EN. ROHAIZAM LAMDIN



BENGKEL PEMBANGUNAN JATI DIRI PENGETUA DAN FELO KOLEJ KEDIAMAN 2018

Majlis Pengetua-Pengetua Kolej Kediaman UMS (MAPeK) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Jati Diri Pengetua dan Felo Kolej Kediaman 2018 bertempat di Beringgis Beach Resort & SPA pada 9-10 Mac 2018. Seramai 41 orang peserta telah menyertai bengkel tersebut yang terdiri dari Pengetua - Pengetua, Timbalan-Timbalan Pengetua, Felo-Felo, Yang Dipertua JAKMAS kolej kediaman disertai oleh tiga orang daripada Majlis Timbalan Dekan. Sebanyak 6 topik telah dibincangkan dan dibentangkan dalam bengkel tersebut yang akan dijadikan garis panduan, SOP yang digunapakai oleh semua kolej kediaman dalam mempertingkatkan dan memperkasakan struktur dan jati diri Pengetua dan Felo. 6 Topik tersebut adalah:-

1. Kolej kediaman sebagai pusat kecemerlangan mahasiswa dari aspek kemudahan, Keushawanan dan penajaan;
2. SOP mengenalpasti dan menangani kes-kes di kolej kediaman meliputi kes kecemasan dan penyakit mental;
3. Memperkasa tadbir urus institusi Pengetua dan Felo dalam aspek pelantikan dan penilaian;
4. Pematuhan garis panduan pemilihan pelajar senior di kolej kediaman dalam kriteria pemilihan;
5. Pemerkasaan JAKMAS di kolej kediaman dalam aspek penilaian dan pelantikan JAKMAS serta aktiviti berimpak tinggi; dan
6. Pemerkasaan Majlis Timbalan-Timbalan Dekan (MTD) dalam aspek sumbangan kepada sahsiah mahasiswa.

Bengkel selama dua hari ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni [HEPA]. Dalam ucapan perasmian beliau berkata kepimpinan dan sahsiah lebih tertumpu di kolej kediaman, sehubungan itu Pengetua dan Felo serta kakitangan Pentadbiran Kolej Kediaman perlu memantapkan jati diri masing-masing bagi memastikan kebajikan pelajar di kolej terpelihara melalui pengisian bengkel yang melibatkan Pengetua, Felo dan Majlis Timbalan-Timbalan Dekan akan dapat memberikan pencerahan tentang cara bagaimana satu-satu permasalahan di kolej kediaman dapat ditangani secara tersusun dan profesional serta berupaya membentuk jalinan kerjasama "menang-menang" dan saling membantu antara kedua belah pihak.

Dr. Syahrudin Hj. Awang Ahmad, selaku penyelar program ini merumuskan bahawa bengkel tersebut telah mendapat banyak input yang baik melibatkan pandangan dari semua pihak termasuk pelajar sebagai pelanggan. Daripada enam resolusi yang bakal digarap dalam bentuk pelan tindakan dan Prosedur Operasi Standard, kesemuanya mencakupi semua aspek penting yang boleh direalisasikan dalam bentuk yang jelas dan boleh diaplikasikan di semua peringkat pengurusan hal ehwal pelajar di Universiti ini.





PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DI TAMAN APAS JAYA, TAWAU, SABAH

Tawau - Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah telah melaksanakan Khidmat Masyarakat @ CSR di Taman Apas Permai pada 6-8 April 2018 yang lalu. Seramai 40 orang mahasiswa UMS telah terlibat dalam program tersebut dan antara pengisian program adalah seperti program anak angkat, aktiviti gotong-royong, mengecat surau, perkongsian pendidikan, acara kebudayaan dan pembinaan laluan pejalan kaki ke surau.

Majlis Perasmian telah sempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia. Program Turun Padang KPT4U merupakan inisiatif bersama Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan UMS dalam rangka sebagai usaha KPT mendekati masyarakat khususnya di Daerah Tawau. Dalam usaha tersebut, kita juga ingin memastikan agar sentuhan ini meliputi pelbagai latar umur termasuklah sokongan daripada golongan mahasiswa UMS ujarnya dalam ucapan perasmian.

Menurut SM Abdul Hamid Mohd, Pengerusi KRT Taman Apas Permai yang merupakan pesara PDRM mengucapkan jutaan terima kasih di atas inisiatif pihak KPT dan UMS dalam merancang dan menjayakan program seperti ini. Pihak komuniti Taman Apas Permai menyokong penuh usaha pelaksanaan program tersebut yang dapat memberikan banyak manfaat kepada komuniti Taman Apas Permai. Beliau berharap program ini akan diteruskan di masa akan datang.

Seramai lebih 500 orang telah hadir semasa Majlis Perasmian. Dalam majlis tersebut, satu set mesin rumput telah disumbangkan oleh YBhg. Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching dan turut menyampaikan hadiah utama cabutan tiket bertuah iaitu sebuah basikal diiringi oleh Encik Ahmadi Hj. Nurdin, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS bagi mewakili YBhg. Datuk Naib Canselor, UMS.

MAJLIS PERASMIAN KPT4U DAN PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT SMK BALUNG, TAWAU, SABAH

Tawau - Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengadakan Majlis Perasmian KPT4U dan Program Khidmat Masyarakat SMK. Balung pada 7 April 2018 bertempat SMK. Balung, Tawau, Sabah.

Di antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program khidmat masyarakat ini adalah seperti aktiviti melukis mural yang diketuai oleh Dr. Mohamad Puad Bebit, Timbalan Dekan [Hal Ehwal Pelajar & Alumni], Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan, UMS dan sesi perkongsian ilmu dan LDK pelajar UMS bersama pelajar tingkatan 6, SMK. Balung dan sukan persahabatan iaitu bola sepak bagi pelajar lelaki dan bola tampar bagi pelajar perempuan.

Majlis Perasmian KPT4U telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia. YBhg. Datuk Mary juga sempat menyempurnakan Mural di SMK. Balung tersebut. Turut hadir dalam aktiviti tersebut adalah Ketua, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, En. Ahmadi Hj. Nurdin, para guru, ibu bapa dan masyarakat Balung, Pegawai-Pegawai, kakitangan HEPA dan para pelajar UMS serta pelajar SMK. Balung, Tawau.





UMS BERJAYA MEWAKILI MALAYSIA KE HOLLYWOOD DALAM PERTANDINGAN “WORLD CHAMPIONSHIPS OF PERFORMING ARTS” (WCOPA)

KUALA LUMPUR – Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya mewakili Malaysia ke Hollywood dalam satu pertandingan “World Championships of Performing Arts” (WCOPA) yang diadakan di South Gateway Mall, Bangsar, Selangor pada 8 April 2018 di mana UMS yang diwakili pelajar daripada Kelab Kebudayaan & Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah berjaya meraih kemenangan dalam empat kategori yang dipertandingkan dan akan mewakili Malaysia ke pertandingan antarabangsa di Hollywood, Amerika Syarikat.

Antara kategori-kategori yang dimenangi adalah yang pertama Kategori Nyanyian dimenangi oleh Sdri. Dayang Nurazreen Salbador dengan mendapat tajaan biasiswa WCOPA bernilai USD3,000.00, kedua Kategori Muzik International dimenangi oleh Sdra. Quenner Mitchell dengan mendapat tajaan biasiswa WCOPA bernilai USD1,500.00, ketiga Kategori Tarian Etnik Kontemporari dimenangi oleh Sdra. Quenner Mitchell dan Sdra. Kerenlen John dengan mendapat tajaan biasiswa WCOPA bernilai USD3,000.00 dan keempat Kategori Tarian Duet Etnik Kreatif dimenangi juga oleh Quenner Mitchell dan Merald Omel dengan mendapat tajaan biasiswa WCOPA bernilai USD1,500.00. Kesemua kategori yang dimenangi ini berjaya mewakili Malaysia ke pertandingan di peringkat antarabangsa yang akan diadakan di Hollywood, USA pada Ogos ini.

Penyelaras pasukan kebudayaan UMS daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar iaitu En. Alan James, Pn. Norain Abd Razak, En. Ahmad Rafiandie Awang @ Awang Ahmad dan En. Sharip Zainal Sagkif Shek daripada Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan (FKSW) telah bertungkus lumus membantu pasukan kebudayaan tersebut dalam persediaan membimbing dan melatih pelajar. Penyertaan ini juga telah mendapat sokongan daripada Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni [HEPA], UMS, YBhg. Prof. Dr. Ismail Ali dan Ketua, Jabatan Hal Ehwal Pelajar En. Ahmadi Hj. Nurdin.



SESI TOWNHALL

BERSAMA TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHVAL PELAJAR & ALUMNI)



Kota Kinabalu - Sesi Townhall pelajar Kolej Kediaman Tun Fuad bersama Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah dilaksanakan di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman Tun Fuad pada 28 Mac 2018.

Sesi ini dihadiri oleh YBhg. Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, En. Ahmadi Hj. Nurdin, Ketua Jabatan HEP, Dr. Fredie Robinson, Pengerusi Majlis Pengetua-Pengetua Kolej Kediaman (MAPeK), En. Mohd. Asyraf Abdullah, Pengarah Pusat Sukan, Ketua-Ketua Bahagian JHEP, Timbalan Pengetua, barisan pengurusan kolej kediaman dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Sesi ini menjadi medium yang terbaik bagi pelajar untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan pihak pengurusan Universiti berkaitan dengan isu kemudahan dan kebajikan di Kolej kediaman. Sesi ini julung kalinya diadakan selepas pelaksanaan di Kampus UMSKAL dan UMS Lestari Sandakan dan ianya telah mendapat sambutan baik daripada warga kolej kediaman. Permasalahan yang dikemukakan oleh pelajar mendapat tindak balas daripada pengurusan atasan. Sesi ini akan diteruskan dengan pelaksanaan di Kolej Kediaman Tun Mustapha dan Kolej Kediaman E. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih diberikan kepada semua Urus Setia yang terlibat dalam melancarkan sesi tersebut.





MAJLIS RAMAH MESRA

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UMS BERSAMA

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR USIM

Kota Kinabalu – Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan sesi Ramah Mesra Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Univesriti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 7 April 2018 bertempat di Bilik Seminar, JHEP, UMS.

MPP, USIM menjalankan program Jaulah Mahabbah ke UMS yang merupakan program delegasi USIM. Program ini dimulakan dengan MPP, USIM mengadakan lawatan dan membuat aktiviti ke Sekolah Agama Ranau, Sabah selama sehari iaitu pada 4 April hingga 5 April 2018. Kemudian, pada 6 April 2018 MPP, USIM mengadakan lawatan sekitar UMS yang diiringi oleh MPP, UMS serta mengadakan perbincangan dua hala.

Pada majlis Ramah Mesra ini turut diadakan makan malam bagi meraikan delegasi daripada MPP, USIM. Presiden MPP, UMS iaitu Sdra. Jusman Nali menyambut baik kehadiran delegasi daripada MPP, USIM dan Presiden MPP, USIM iaitu Sdra. Muhd Faris Abd Gani juga mengucapkan terima kasih di atas layanan baik pihak UMS berikan semasa berada di UMS.

Turut hadir pada majlis Ramah Mesra ialah YBhg. Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni [HEPA], UMS, YBhg. Prof. Dato Dr. Hassan Basri Awang Md Dahan, Timbalan Naib Canselor [HEPA], USIM, En. Ahmadi Hj. Nurdin, Ketua, JHEP, barisan MP, UMS dan MPP, USIM.





MAJLIS PELANCARAN KAFE SISWA NIAGA UMS

Kota Kinabalu – Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Majlis Pelancaran Kafe Siswa Niaga pada 17 April 2018 bertempat di Kiosk KESUMBA, UMS.

Kafe Siswa Niaga UMS ini adalah yang pertama diwujudkan dan adalah merupakan model Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia iaitu "Learn and Earn" bertujuan untuk mengurangkan mahasiswa/i bergantung kepada bantuan-bantuan sedia ada. Di samping itu, ia juga dapat menanam budaya berdikari mahasiswa/i dan menghargai setiap pendapatan yang diperolehi. Gimik pelancaran majlis ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, YBhg. Prof. Datuk Dr. Kamarudin D. Mudin.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg. Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni [HEPA], Pegawai-Pegawai Utama dan Kanan UMS, Pegawai-Pegawai dan staf HEPA serta barisan Majlis Perwakilan Pelajar dan mahasiswa/i UMS.



Kota Kinabalu - Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Majlis Anugerah Hal Ehwal Pelajar & Alumni buat kali ke-20, pada 7 Mei 2018 bertempat di Grand Ballroom, The Klagan Regency, 1 Borneo, Kota Kinabalu. Ini adalah ulang tahun ke-20 MAHEPA diadakan.

MAHEPA adalah merupakan satu platform terbaik untuk mengiktiraf dan memberi galakan kepada kepimpinan mahasiswa/i yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten serta telah menunjukkan komitmen yang tinggi. Objektifnya adalah memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan individu dan badan mahasiswa dalam pengurusan organisasi dan pelaksanaan program/ aktiviti mahasiswa, mengiktiraf peranan individu dan badan mahasiswa yang berjaya memanfaatkan secara positif ruang dan peluang yang disediakan oleh Institusi Pendidikan Tinggi dalam pelaksanaan program/ aktiviti kemahasiswaan dan memberi kesedaran, motivasi serta peluang kepada para mahasiswa untuk menegenahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri untuk menjadi insan yang cemerlang.



MAHEPA kali ini mempertandingkan 19 anugerah kesemuanya termasuk kategori berkumpulan, individu dan anugerah sukan. Keputusan calon-calon penerima anugerah MAHEPA Ke-20, 2018 diumumkan pada malam majlis tersebut. Pemenang anugerah menerima tropi, sijil dan wang tunai. Penerima bagi kategori berkumpulan Anugerah Penganjuran Program Mahasiswa dimenangi oleh JAKMAS Kolej Kediaman Tun Fuad (DEABORA'18), Anugerah Pengurusan JAKMAS dimenangi oleh JAKMAS Kolej Kediaman E, Anugerah Pengurusan Persatuan/ Kelab/ Organisasi Mahasiswa dimenangi oleh Sekretariat Pencegahan Rasuah UMS, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif dimenangi oleh UMS Robotic Club, Fakulti Kejuruteraan, Anugerah Keusahawanan (Berkumpulan) dimenangi oleh ENACTUS UMS, Anugerah Kesenian dan Kebudayaan Berkumpulan dimenangi oleh Kelab Kebudayaan UMS, Anugerah Pasukan Kesukarelawanan dimenangi oleh Kelab Kesukarelawanan Siswa UMS (KESUWA) Bagi penerima anugerah sukan berkumpulan,



MAHEPA KE-20, 2018

Naib Canselor dalam ucapannya berkata " Penganjuran aktiviti yang rancak memberi gambaran kepada keupayaan pelajar UMS dalam memastikan peluang untuk terlibat aktif sentiasa terbuka. Hal ini sudah tentu akan membantu menggalakkan persekitaran yang mendorong kepada mahasiswa holistik". Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana MAHEPA Ke-20, 2018 yang telah bekerja keras bagi menjayakan majlis ini. Majlis dirasmikan oleh YBhg. Datuk Yeo Boon Hai, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.



Pasukan Lekaki Terbaik dimenangi oleh POOMSE Lelaki manakala Pasukan Wanita Terbaik dimenangi oleh POOMSE Wanita. Hadiah bagi kategori berkumpulan ini disampaikan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin, Naib Canselor UMS.



Turut menerima penghargaan ialah mantan Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2016/2017, JAKMAS Kolej Kediaman bagi sesi 2017/2018, penghargaan Keusahawanan kepada ENACTUS UMS yang berjaya ke peringkat antarabangsa di London setelah menjadi johan dalam ENACTUS Malaysian National Cup 2017 di Kuala Lumpur, penghargaan Kesukarelawan kepada Kelab Kesukarelawan Siswa UMS (KESUWA) dan penghargaan Sukan seterusnya penghargaan kepada atlet-atlet UMS dalam acara sukan yang turut mencatat kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal pelajar Dan Alumni [HEPA] sebelum itu.



Bagi kategori individu penerima Anugerah Pemimpin Mahasiswa dimenangi oleh Sdra. Jusman Nali, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar, Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman dimenangi oleh Sdra. Mohamad Azad Hafiz Ismail, YDP JAKMAS Kolej Kediaman Tun Mustapha, Anugerah Pemimpin Persatuan/ Kelab/ Organisasi Mahasiswa dimenangi oleh Sdra. Mohd Shafei Tumiran, Permuafakatan Siswa/ Siswi Felda (PERSADA), Anugerah Pemimpin Kesukarelawan dimenangi oleh Sdra. Mohd Johari Mohd Shafuwan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Pemimpin Harapan dimenangi oleh Sdra. Muhd Jivean Johan Wira Ahmad, Majlis Perwakilan Pelajar, Anugerah Keusahawanan (Individu) dimenangi oleh Sdri. Alani Bazla Ahmad Jihaduddin, Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan. Bagi penerima anugerah sukan, Olahragawan dimenangi oleh Sdra. Ahmady Radi, Olahragawati dimenangi oleh Sdri. Christina Edris, Olahragawan Harapan dimenangi oleh Sdra. Tinga Jody Edmund manakala Olahragawati Harapan dimenangi oleh Sdri. Nurifa Husna Saiful. Penerima Anugerah Khas Alumni UMS 2018 ialah En. Azizul Julirin, yang mengusahakan perniagaan Aquafarm. Hadiah bagi disampaikan oleh YBhg. Datuk Yeo Boon Hai, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.



Majlis ini dihadiri seramai hampir 500 orang tetamu termasuk Timbalan Naib Canselor (HEPA), YBhg. Prof. Dr. Ismail Ali, Pegawai Utama dan Kanan UMS, Dekan-Dekan Fakulti, Timbalan-Timbalan Dekan (MTD), Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, En. Ahmadi Hj. Nurdin, pegawai-pegawai dan staf JHEP, Barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan badan-badan kelab/ persatuan/ sekretariat/ organisasi mahasiswa, UMS.





PERTANDINGAN AKHIR PROGRAM KESENIAN (INTERKOLEJ) UMS SIRI 1 2018

14 Mei 2018 (Isnin) - Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Pertandingan Kesenian Interkolej Siri I, Sesi 2018 peringkat akhir bagi 3 kategori iaitu Kategori Nasyid Berkumpulan, Kategori Busking dan Kategori Tarian Moden. Pertandingan ini diadakan di Pentas Dewan Kuliah Pusat 1, UMS.

Objektif pertandingan Kesenian Interkolej ini adalah mencungkil bakat-bakat yang ada di kalangan pelajar UMS dalam pelbagai bidang seni untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu juga Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, JHEP ingin meningkatkan kemahiran insaniah di kalangan pelajar UMS.

Menurut En. Ahmadi Hj. Nurdin, pertandingan seperti ini menarik minat mahasiswa/i UMS untuk menyerlahkan bakat yang mereka ada di mana pertandingan pada malam ini diadakan serentak untuk ketiga-tiga kategori yang dipertandingkan dan ini menggalakkan penyertaan mereka. Pada masa akan datang diharapkan pertandingan ini diadakan secara terbuka agar mendapat penyertaan yang lebih ramai lagi. Para pelajar juga berpeluang untuk menunjukkan bakat yang mereka ada kepada masyarakat luar apabila tamat belajar kelak.

Pemenang pertandingan nasyid, Johan adalah daripada Kolej Kediaman Tun Mustapha, Naib Johan jatuh kepada Kolej Kediaman Tun Fuad dan tempat ketiga dimenangi oleh Kolej Kediaman USIA-1B. Manakala bagi kategori Pertandingan busking, pemenang yang mendapat Johan dimenangi oleh Kolej Kediaman Sri Angkasa, Naib Johan dimenangi Kolej Kediaman Tun Fuad dan tempat ketiga dimenangi oleh Kolej Kediaman E. Bagi kategori Tarian Moden (Modern Dance), Johan dimenangi oleh Kolej Kediaman E, Naib Johan dimenangi Kolej Kediaman Tun Fuad dan tempat ketiga dimenangi Kolej Kediaman Tun Mustapha. Pemenang-pemenang mengikut kategori masing-masing membawa pulang sebuah trofi, sijil dan hamper. Juri-juri jemputan yang hadir pada malam tersebut adalah terdiri daripada staf UMS dan juri jemputan luar iaitu, En. Mohd Mujahid Halpi, En. Ezyree Jakaria, Alumni UMS dan Pn. Nooraliza Sukarno, Jabatan Penerangan Sabah bagi juri pertandingan nasyid, En. Harun Tambiri, En. Ali Jamin dan En. Azmidy @ Awangku Dady Ag. Tengah bagi juri pertandingan busking manakala juri bagi pertandingan Tarian Moden ialah En. Ahmad Rafiandie Awang @ Awang Ahmad, En. Dave @ Quenner Mitchell Pauzi dan En. Izzi Hasfierul Hashim.

Tetamu yang hadir pada malam pertandingan tersebut adalah YBhg. Prof Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni [HEPA], Encik Ahmadi Hj. Nurdin, Ketua JHEP, Pengetua-Pengetua/ Felo Kolej Kediaman, En. Wijaya Kamal Ramlan, En Mohd Hilmey Saili dan En. Muhammad Jumrat Minsun, En. Alan James, Ketua Bahagian Kebudayaan & Kesenian, JHEP Pegawai-pegawai dan staf JHEP dan para pelajar UMS.

Mini Karnival Kerjaya 2018



Kota Kinabalu - Jabatan Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Pusat Alumni dan Pusat Jaringan Industri dan Komuniti, UMS telah mengadakan Mini Karnival Kerjaya 2018 pada 19 Mei 2018 lalu bertempat di Dewan Kuliah Pusat ke-2, UMS.

Program ini diadakan selama sehari yang berfokuskan kepada pelajar yang berminat dan disasarkan kepada peserta tentang peluang-peluang kerjaya yang boleh mereka ambil selepas menamatkan pengajian. Selain itu, ianya memudahkan pihak majikan mengiklankan kekosongan jawatan mereka kepada calon sasaran sekaligus mewujudkan hubungan secara terus antara majikan dan pelajar. Turut diadakan sesi ceramah tentang peluang-peluang kerjaya dan pengenalan tentang syarikat oleh beberapa agensi yang terlibat menjayakan Mini Karnival Kerjaya ini.

Program ini turut melibatkan beberapa agensi luar. Antara agensi yang menjayakan program ini ialah dari STG Group, Great Eastern Insurance, MasWings, Cuckoo Sabah, Mary Kay, CIMB, Zurich Insurance, Isy Synergy Group dan beberapa agensi lain. Program ini turut dihadiri oleh Ketua Jabatan HEP, En. Ahmadi Hj Nurdin, pegawai-pegawai dan staf HEPA serta mahasiswa'i UMS.



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA PEMIMPIN PELAJAR UMS DAN UCAPAN HARI RAYA AIDILFITRI JHEP



Kota Kinabalu – Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa Bersama Pemimpin Pelajar UMS pada 6 Jun 2018 bertempat di Bilik Seminar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah.

Majlis diserikan dengan Tazkirah Ramadhan yang disampaikan oleh Al-Ustaz Razali Saibin yang dijemput khas daripada Pusat Islam, UMS. Bacaan doa berbuka puasa dipimpin oleh Al-Ustaz Razali Saibin setelah menyampaikan Tazkirah Ramadhan pada majlis tersebut.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, En. Ahmadi Hj. Nurdin, Pengetua-Pengetua serta Felo Kolej Kediaman. Majlis Timbalan-Timbalan Dekan (HEPA), pegawai-pegawai dan staf HEPA bersama pemimpin-pemimpin pelajar daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman, kelab/ persatuan/ sekretariat/ organisasi mahasiswa.

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal pelajar Dan Alumni [HEPA], YBhg. Prof. Dr. Ismail Ali, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan seluruh warga Jabatan Hal Ehwal Pelajar mengucapkan Salam Ramadhan Al-Mubarak dan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir & batin





PROGRAM MAJLIS PENYERAHAN PROJEK BANTUAN RUMAH KOMUNITI UMS

SANDAKAN - Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Program Majlis Penyerahan Projek Bantuan Rumah Komuniti, UMS pada 13 Julai 2018 bertempat di Kampung Rancangan Sg. Manila, Peringkat 3, Sandakan, Sabah.

Projek ini adalah kesinambungan daripada perancangan Projek Bantuan Rumah Komuniti CSR, UMS yang telah dilaksanakan di Kota Belud, Tawau, Sipitang dan yang terakhir di Sandakan. Setiap rumah ini bersaiz 600 kaki persegi, dilengkapi dengan tiga bilik tidur, bilik air, ruang tamu dan ruang dapur. Anggaran kos pembinaan rumah komuniti ini adalah sebanyak RM25,000.00 dan disiapkan dalam tempoh kurang daripada sebulan. Saudara Samsul Jama adalah penerima unit rumah komuniti di Sandakan kali ini.

Gimik dan majlis penyerahan kunci rumah tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Datin Hj. Nur-laila Said, Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Sabah merangkap Ahli Lembaga Pengarah UMS.

Turut hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar & Alumni [HEPA], UMS, En. Ahmadi Hj. Nurdin, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Pegawai dan kakitangan UMS, Ketua Kampung serta penduduk Kampung Rancangan Sungai Manila, Sandakan.



SATU EMAS, TUJUH PERAK DAN SATU GANGSA DIMENANGI UMS DALAM WCOPA DI AMERIKA SYARIKAT

Kota Kinabalu - Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya membawa pulang satu emas, tujuh perak dan satu gangsa dalam satu pertandingan "World Championships of Performing Arts (WCOPA) yang diadakan di Long Beach California, Los Angeles, Amerika Syarikat. Pertandingan telah diadakan pada 8 hingga 13 Julai 2018 di mana UMS yang diwakili oleh pelajar daripada Kelab Kebudayaan & Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS.

Sdra. Quenner Mitchell Pauzi telah mendapat satu emas dalam kategori Instrument Binabad menerusi lagu Jazz, tiga perak dan satu gangsa manakala Sdri. Dayang Nurazreen Salbador mendapat 2 perak dalam kategori vokal menerusi genre pop dengan lagu berentak blues dan genre Open menerusi lagu Kurniaan dalam Samaran. Sdri. Dayang juga mendapat sijil award tajaan daripada produser di California. Sdra. Quenner Mitchell dan Sdra. Merald Omel (Eccentric Duo) mendapat dua lagi perak dalam kategori tarian menerusi Tarian Open Kontemporari dan Etnik.

Penyelaras pasukan kebudayaan UMS daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar iaitu En. Alan James, Pn. Norain Abd Razak dan En. Sharip Zainal Sagkif Shek daripada Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan (FKSW) telah membantu pasukan kebudayaan dalam pertandingan tersebut.





BULETIN EXCO KEMASYARAKATAN KOLEJ KEDIAMAN E 2018, 16 KELUARGA TERUJA TERIMA ANAK ANGKAT DARI KKE

Kota Kinabalu - Seramai 50 penghuni Kolej Kediaman E (KKE) telah menjayakan Program Tautan Kasih Kampung Kerukan anjuran Exco Kemasyarakatan Kolej Kediaman E baru-baru ini.

Pengarah Program sdra. Mohamad Fadlie Shafiq berkata, program yang diadakan selama 3 hari 2 malam itu tiada lain untuk memberi pendedahan dan peluang kepada penghuni KKE terutamanya yang berasal dari Semenanjung untuk merasai budaya dan gaya hidup masyarakat di Sabah yang sangat mesra dan suka menerima pengunjung daripada luar.

"Penganjuran program ini juga secara tidak langsung memberikan semangat dan kegembiraan kepada para penghuni KKE yang menyertai program ini selepas mengetahui gaya hidup masyarakat sini seperti cara membuat ambuyat. Malah ini merupakan kali kedua program ini berlangsung", katanya dalam satu kenyataan pada majlis perasmian dan penutupan pada hari Ahad lepas.

Beliau juga yang merangkap sebagai Sekretariat KKE berkata, pemilihan keluarga angkat turut mendapat sambutan dari pihak Kampung Kerukan sendiri tetapi pihak beliau membuat keputusan untuk memilih 16 keluarga angkat terpilih sahaja.

"Kita dilahirkan oleh masyarakat, sudah pastinya kita akan kembali kepada masyarakat. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang program ini berlangsung selama 3 hari 2 malam", katanya.

Turut hadir semasa majlis perasmian dan penutupan berlangsung ialah Pengetua Kolej Kediaman E, Timbalan Pengetua Kolej Kediaman E, Barisan Kepimpinan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman E dan Ketua Kampung Kerukan, Kuala Penyu, Sabah.



KURSUS BIMBING DAN PERKASA PSM MSM SESI 2018/2019 UMS

KOTA KINABALU - Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Kursus Bimbingan dan Perkasa Pembimbing Suai Mesra (PSM) Minggu Suai Mesra (MSM) bagi Sesi 2018/2019 yang bermula pada 20 Ogos sehingga 26 Ogos 2018 bertempat di Dewan Kolej Kediaman Tun Fuad, UMS.

Objektif kursus ini diadakan adalah untuk memantapkan semangat jati diri, disiplin, kebersamaan, kerjasama dalam berpasukan dan pendedahan kepimpinan kepada para peserta. Kursus ini terbahagi kepada dua iaitu kursus Bimbingan dan kursus Perkasa. Kursus Bimbingan melibatkan 33 orang pemimpin pelajar daripada Majlis Tertinggi (MT) dan Majlis Eksekutif (ME) yang diadakan pada 20 hingga 21 Ogos 2018 selama dua hari. Manakala kursus Perkasa melibatkan mahasiswa UMS yang dipilih iaitu seramai 241 orang termasuk MT/ ME yang diadakan pada 24 hingga 26 Ogos 2018 selama tiga hari.

Penyelaras bagi kursus ini adalah Pn. Mardena Jiwan, Ketua Bahagian Pembangunan Pelajar, JHEP dan fasilitator-fasilitator yang terlibat adalah terdiri daripada pegawai-pegawai JHEP iaitu En. Adznil Abidin, En. Muhammad Jumrat Minsun, En. Alan James, En. Mohd. Jamal Atong, En. Harun Tambiri, Pn. Fazilah Nur Ahmad, Pn. Norain Abd. Razak, Pn. Norhana Nordin, En. Rohaizam Lamdin, En. Jalani Moxsin, Pn. Faridah Samsudin En. Ridzal Mohd. Shaffri dan En. Wenlley Joy.

Majlis Perasmian Penutupan Kursus PSM MSM sesi 2018/2019 diadakan pada malam Ahad 26 Ogos 2018. Sesi penyerahan wafiah pelantikan kepada PSM disampaikan oleh Ketua Jabatan, En. Ahmadi Hj. Nurdin yang mewakili Timbalan Naib Canselor [Hal Ehwal Pelajar & Alumni] yang tidak dapat hadir atas sebab urusan rasmi yang lain. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Kol. Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha, Dr. Puteri Hayati Megat Ahmad, Pengetua Kolej Kediaman Tun Fuad, Saudara Muhd Jivean Johan Wira Ahmad, Pengarah Kursus PSM, MSM Kali Ke-24 UMS, pegawai-pegawai dan staf JHEP.



SEKTOR HAL EHWAH PELAJAR UMS-KAL

1 MALAM KEBUDAYAAN CINA 31 MAC 2018

Majlis penutupan Malam Kebudayaan Cina telah dirasmikan oleh Datuk Wong Kii Yii di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan. Program ini merupakan Antara aktiviti terbesar yang dianjurkan oleh pelajar Cina di UMSKAL setiap tahun.



2 DEBAT TERBUKA EKONOMI PIALA PENGARAH 2018 13 - 15 APRIL 2018

Pertandingan debat yang diadakan di UMSKAL disertai oleh buah IPTA dari seluruh Negara. NurMedian Khairul telah dinobatkan sebagai pendebat terbaik tahun 2018. Semoga pertandingan bertaraf akademik ini diteruskan dan mendapat sambungan hangat sentiasa.



3 MAHEPA 2018



Wakil pelajar-pelajar dari UMSKAL yang hadir untuk anugerah MAHEPA 2018.

4 RAMI GAWAI KAAMATAN (RAGAKA) 2018 **11-13 MEI 2018**

Gabungan Pesta Kaamatan dan Gawai yang diadakan oleh pelajar Sabah dan Sarawak amat meriah dengan pelbagai aktiviti, pertandingan dan permainan tradisional masyarakat Borneo yang berbilang kaum.



5 BERUSAH RAMADHAN 7 JUN 2018

Kakitangan SHEP menyediakan juadah berbuka puasa kepada warga UMSKAL. Program ini sentiasa diadakan setiap tahun pada bulan Ramadhan untuk mengeratkan silaturrahim Antara warga UMSKAL.



6 BAKTISISWA PERDANA 7 JUN 2018

Program kemasyarakatan yang diketuai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Dr Ismail Ali ke 2 buah maahad tahfiz dan 4 buah keluarga asnaf.



7 KURSUS BIMBING **16 - 17 OGOS 2018**

Kursus ini diadakan setiap tahun untuk mempersiapkan ahli MPP yang bertindak sebagai AJK Tertinggi yang mengendalikan program PERKASA pada 23-25 Ogos 2018.



8 KURSUS PERKASA **23 -25 OGOS 2018**

Program ini pula adalah untuk mempersiapkan pelajar yang akan menjadi pembimbing suai mesra untuk Minggu Suai Mesra Sesi 2018/2019. Antara aktiviti yang diadakan ialah 'Minda Usahawan' untuk melatih pelajar lebih kreatif menjana pendapatan dalam pelaksanaan sesuatu program.



GAMBAR AKTIVITI-AKTIVITI PELAJAR UMSKAL 2018

